

1972

91

ALOR SETAR, 19 DISEMBER (BERNAMA) -- ORANGRAMAI  
DISERU MEMBERI SUMBANGAN YANG JUJUR, IKHLAS DAN PENUH  
TANGGONGJAWAB KEPADA BADAN-BADAN SUKARELA TANPA MENG-  
HARAPKAN BALASAN.

SERUAN ITU DIBUAT OLEH Pengerusi Majlis Kebajikan  
Kanak-Kanak Malaysia Cawangan Kedah, DR. MAHATHIR  
BIN MOHAMED, KETIKA BERUCAP DI MAJLIS +MALAM MESRA+  
ANJURAN MAJLIS ITU DI SINI MALAM TADI.

TEGASNYA, SUMBANGAN SUKARELA ADALAH SEMATA-MATA  
UNTUK MEMBERI PERTOLONGAN DAN KESEDARAN KEPADA MEREKA YANG  
MEMERLUKAN. OLEH ITU ANGGAPLAH SUMBANGAN ITU SEBAGAI TANGGONG-  
JAWAB UNTUK KEPENTINGAN MEMAJUKAN MASYARAKAT DAN NEGARA SE-  
LURUHNYA TANPA MENGHARAPKAN PENGHARGAAN DARI MANA-MANA PIHAK  
ATAU KERAJAAN.

DR. MAHATHIR BERPENDAPAT BAHAWA JIKA KEADAAN KEMISKINAN  
BERTERUSAN DI NEGARA INI, MAKA USAHA UNTUK MENGUJUDKAN  
MASYARAKAT ADIL TIDAK AKAN TERCAPAI.

BELIAU BERHARAP PARA DERMAWAN AKAN TURUT MEMBERI  
SUMBANGAN DALAM USAHA-USAHA KERAJAAN MENGATASI MASALAH KEMISKI-  
NAN. -- BERNAMA 131E/ZCM